

14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**TARIKH : 30.11.2017**

**SOALAN : NO. 13**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pencapaian universiti-universiti awam di Malaysia dalam ranking dunia dan apakah langkah diambil untuk meningkatkan pencapaian menjelang tahun 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti di Malaysia menerima pengiktirafan bukan sahaja di peringkat tempatan malah peringkat antarabangsa. Selain pencapaian terbaik Universiti Penyelidikan dalam QS *World Ranking* dengan tersenarai dalam 1% teratas di dunia (*Top 1% in the World*) daripada 26,000 buah universiti dalam dunia, Malaysia turut meningkat sebanyak 11 anak tangga pada ranking U21 dengan berada di tangga ke-25 berbanding ke-36 pada tahun 2012. Terkini, dalam portal U.S News Best Global Universities Ranking 2018, Universiti Malaya telah tersenarai di kedudukan ke-10 dari 600 universiti terbaik dunia dalam bidang kejuruteraan.

Selain itu, beberapa penyelidik tempatan turut mendapat pengiktirafan daripada pentaksiran oleh *Elsevier* iaitu agensi yang mengkaji penerbitan

berkualiti di dunia di mana agensi ini telah meletakkan Malaysia di tempat kedua di kalangan negara-negara Asia Pasifik dengan pertumbuhan 7.2% di dalam *high index publication* berbanding perkembangan dunia pada kadar 1.1%. *Clarivate Analytics* pula telah banyak memberi pengiktirafan kepada penyelidik tempatan di kalangan 1% teratas paling berpengaruh daripada 3,000 penyelidik dari seluruh dunia.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, menjelang tahun 2025, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan sebuah universiti berada dalam *Asia's Top 25*, dua universiti dalam *Global Top 100* dan empat universiti dalam *Global Top 200*. Antara usaha-usaha yang telah diambil oleh KPT dalam memperbaiki dan memperkukuhkan ranking universiti tempatan adalah:

- i. Menanda aras (*benchmarking*) dengan IPT di negara yang mempunyai pemetaan sosioekonomi dan sosiobudaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti IPT di Korea, Thailand dan Singapura untuk mengenal pasti kaedah *game change* yang sesuai dengan keupayaan IPT di Malaysia;
- ii. Menyerlahkan bidang tujahan dan bidang kecemerlangan di IPT tempatan agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa dengan mempunyai ciri-ciri *Relevant, Referred* dan *Respected* (3R);
- iii. Pemantapan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di IPT termasuk penjenamaan (*branding*) terutamanya daripada segi

pencapaian akreditasi dan jaminan kualiti program akademik daripada pihak antarabangsa;

- iv. **Pemeriksaan Universiti Penyelidikan secara kolektif bagi mengenal pasti kekuatan bidang tujuhan masing-masing dan saling melengkapi dalam meningkatkan kualiti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti;**
- v. **Universiti Penyelidikan mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen; dan**
- vi. **Universiti Awam mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan berimpak tinggi bagi tujuan kenaikan pangkat, meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan institusi terbaik dunia dan individu ternama yang diiktiraf diperingkat antarabangsa.**